



## SENARIO PENYALAHGUNAAN DADAH BAGI TAHUN 2009

Mohd Rohani Mat Diah<sup>1</sup>, Elanngovan Muniandy<sup>2</sup> &  
Muhammad Yazid Ismail<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan isu dan masalah dadah di Malaysia sepanjang tahun 2009. Ini meliputi trend terkini kes penagihan dadah dari aspek demografi seperti jantina, bangsa, umur ketika dikesan serta faktor penagih terlibat dengan dadah. Data-data di dalam artikel ini adalah daripada Agensi Antidadah Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia, Ketua Pendaftar Mahkamah, Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Secara khususnya, artikel ini melihat bahawa peningkatan penyalahgunaan dadah berlaku dari kes penagih baru dan berulang. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa ramai penagih yang dikesan adalah penagih belia yang berumur antara 19 hingga 39 tahun. Terdapat beberapa faktor yang menjadi pendorong belia terlibat dengan dadah seperti tahap pendidikan dan jenis pekerjaan. Bagi mengatasi masalah ini, masyarakat perlu bekerjasama dan memantapkan institusi kekeluargaan serta anak-anak didedahkan dengan pendidikan agama sejak dari kecil. Kesimpulannya, gejala dadah yang berlaku di Malaysia akan dapat ditangani. Walau bagaimanapun, usaha ini memerlukan masyarakat berganding bahu dengan pihak berkuasa bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia secara berkesan.*

---

<sup>1</sup> Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, AADK

<sup>2</sup> Ketua Penolong Pengarah (Perancangan), Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, AADK

<sup>3</sup> Penolong Pengarah (Perancangan), Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, AADK



## ABSTRACT

*This article to discuss the issues and problems related to drugs in Malaysia in year 2009. It covers current trends in drug addiction based on demographic aspects such as sex, race, age when detected and factors that contributes to drug addiction. The data provided were sourced from the National Anti-Drugs Agency, Royal Malaysia Police, Chief Registrar of the Court, Royal Malaysian Customs Department, Ministry of Health, Prisons Department and Malaysia Maritime Enforcement Agency. Specifically, this article focuses on the increasing number of drug addicts, involving new and relapsing addicts. Based on statistics collected for 2009, a substantial number of drug addicts identified are youth between the age of 19 to 39 years. There are several factors contributing to youths using drugs, for example education and working environment. To overcome this problem, the society need to cooperate, family institution have to stabilize and to readdress the focus on religious education for children. In summary, the current drug menace in Malaysia can be minimalized, however the need for a more enhanced and integrated cooperation between the society with the relevant authorities is important to ensure that drug problem in Malaysia is tackled appropriately.*



## PENGENALAN

Penyalahgunaan dadah merupakan salah satu masalah yang memberi impak keselamatan, sosial dan kesihatan kepada masyarakat Malaysia. Mengikut perangkaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)<sup>4</sup>, sebanyak 12,352 orang penagih telah dikesan sepanjang tahun 2008 dengan 5,939 daripadanya adalah penagih baru dan 6,413 orang penagih berulang. Statistik tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 0.04%<sup>5</sup> penduduk Malaysia pada tahun 2008 terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Jika dibandingkan kes penagihan dadah tahun 2009 dengan tahun sebelumnya, berlakunya peningkatan sebanyak 27.40% iaitu dari 12,352 orang kepada 15,736 orang.

Perkembangan pesat negara dari aspek ekonomi, sosial serta ICT menyebabkan masyarakat terutamanya golongan belia mudah terjebak dengan gejala dadah. Sebanyak 69.67% penagih yang dikesan sepanjang tahun 2008 adalah golongan belia yang berumur antara 19 hingga 39 tahun. Peratusan ini amat membimbangkan kerana golongan belia merupakan pelapis generasi yang akan memimpin negara pada masa akan datang. Jika masalah ini tidak ditangani segera, dikhuatiri pada masa akan datang negara ini tidak dapat maju ke hadapan seiring dengan perkembangan era globalisasi.

Daripada senario yang dinyatakan ini, kes penagihan dadah sekarang masih berada pada tahap yang membimbangkan dan masyarakat harus memainkan peranannya secara proaktif di dalam membanteras najis dadah.

---

<sup>4</sup> Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI), 2008

<sup>5</sup> Buku Maklumat Dadah 2008, m/s 42



## OBJEKTIF

Secara amnya, laporan ini bertujuan mengenalpasti statistik terkini kes penagihan dadah yang berlaku sepanjang tahun 2009 di negara. Manakala objektif khusus adalah:

- a) Mengenalpasti *trend* terkini penyalahgunaan dadah semasa tahun 2009
- b) Mengenalpasti penagih yang terlibat dengan dadah dari aspek jantina, bangsa, umur ketika dikesan dan pekerjaan
- c) Menentukan faktor utama penagih terlibat dengan dadah

## METODOLOGI

Data-data dan maklumat berkaitan di dalam laporan ini diperolehi daripada Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI) yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada setiap tahun serta laporan daripada agensi penguatkuasaan membanteras dadah seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia serta agensi lain. Selain itu, maklumat tambahan juga diperolehi melalui Laporan Bulanan Dadah serta Buku Maklumat Dadah 2008 yang turut dikeluarkan oleh AADK.



## HASIL KAJIAN

### I) KES PENAGIHAN DADAH

#### a) Status Kes

Kes penagihan dadah di Malaysia dikategorikan kepada dua kes iaitu penagih baru dan penagih berulang. Penagih baru adalah penagih yang pertama kali dikesan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melalui Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI) dan penagih berulang adalah penagih yang pernah dikesan sebelum ini melalui Sistem BioNADI. Jadual 1 menunjukkan status kes penagihan dadah di Malaysia dan negeri bagi tempoh Januari sehingga Disember 2009. Bilangan keseluruhan penagih dadah bagi pada tahun 2009 seramai 15,736 orang penagih. Sebanyak 45.27% adalah penagih baru (7,123 orang) dan 54.73% penagih berulang (8,613 orang). Secara purata, sebanyak 594 orang penagih baru dikesan dalam tempoh sebulan serta 718 orang bagi penagih berulang. Manakala bagi purata sehari, 20 kes penagih baru dan 24 penagih berulang bagi tempoh tersebut.

**Jadual 1: Kes Penagihan Dadah Tahun 2009**

| KATEGORI   |                  | KESELURUHAN   |               | PURATA       |           |          |
|------------|------------------|---------------|---------------|--------------|-----------|----------|
|            |                  | BIL.          | %             | SEBULAN      | SEHARI    | SEJAM    |
| STATUS KES | PENAGIH BARU     | 7,123         | 45.3%         | 594          | 20        | 1        |
|            | PENAGIH BERULANG | 8,613         | 54.7%         | 718          | 24        | 1        |
|            | <b>JUMLAH</b>    | <b>15,736</b> | <b>100.0%</b> | <b>1,312</b> | <b>44</b> | <b>2</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK

**Jadual 2: Kes Penagihan Dadah Mengikut Negeri Tahun 2009**

| KATEGORI |                 | STATUS KES   |               |              |               |               |               |
|----------|-----------------|--------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
|          |                 | BARU         |               | ULANG        |               | JUMLAH KES    |               |
|          |                 | BIL.         | %             | BIL.         | %             | BIL.          | %             |
| NEGERI   | KEDAH           | 979          | 48.56%        | 1,037        | 51.44%        | 2,016         | 12.81%        |
|          | WP KUALA LUMPUR | 479          | 29.30%        | 1,156        | 70.70%        | 1,635         | 10.39%        |
|          | KELANTAN        | 945          | 49.68%        | 957          | 50.32%        | 1,902         | 12.09%        |
|          | PULAU PINANG    | 766          | 33.97%        | 1,489        | 66.03%        | 2,255         | 14.33%        |
|          | PERAK           | 487          | 43.44%        | 634          | 56.56%        | 1,121         | 7.12%         |
|          | JOHOR           | 846          | 51.81%        | 787          | 48.19%        | 1,633         | 10.38%        |
|          | SELANGOR        | 960          | 51.50%        | 904          | 48.50%        | 1,864         | 11.85%        |
|          | TERENGGANU      | 264          | 54.89%        | 217          | 45.11%        | 481           | 3.06%         |
|          | NEGERI SEMBILAN | 414          | 45.05%        | 505          | 54.95%        | 919           | 5.84%         |
|          | MELAKA          | 210          | 64.22%        | 117          | 35.78%        | 327           | 2.08%         |
|          | PAHANG          | 466          | 43.80%        | 598          | 56.20%        | 1,064         | 6.76%         |
|          | PERLIS          | 157          | 51.99%        | 145          | 48.01%        | 302           | 1.92%         |
|          | SARAWAK         | 55           | 72.37%        | 21           | 27.63%        | 76            | 0.48%         |
|          | SABAH           | 66           | 66.67%        | 33           | 33.33%        | 99            | 0.63%         |
|          | WP LABUAN       | 14           | 66.67%        | 7            | 33.33%        | 21            | 0.13%         |
|          | WP PUTRAJAYA    | 15           | 71.43%        | 6            | 28.57%        | 21            | 0.13%         |
|          | <b>MALAYSIA</b> | <b>7,123</b> | <b>45.27%</b> | <b>8,613</b> | <b>54.73%</b> | <b>15,736</b> | <b>100.0%</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK



Jadual 2 menerangkan bahawa kes penagihan dadah tertinggi dikesan di Pulau Pinang sebanyak 2,255 orang iaitu 14.33% daripada kes penagihan dadah tahun 2009 melibatkan 766 orang (33.97%) penagih baru dan 1,489 orang (66.03%) penagih berulang. Kes kedua tertinggi dikesan di Kedah seramai 2,016 orang iaitu 12.81% daripada kes yang dicatat untuk Malaysia melibatkan penagih baru seramai 979 orang (48.56%) dan 1,037 orang (51.44%) penagih berulang. Selain itu, kes penagihan dadah tinggi juga dikesan di Kelantan (12.09%), Selangor (11.85%), WP Kuala Lumpur (10.39%) dan Johor (10.38%).

### b) Jantina

**Jadual 3: Kes Penagihan Dadah Mengikut Jantina Tahun 2009**

| KATEGORI |               | STATUS KES   |             |              |             |               |             |
|----------|---------------|--------------|-------------|--------------|-------------|---------------|-------------|
|          |               | BARU         |             | ULANG        |             | JUMLAH        |             |
|          |               | BIL.         | %           | BIL.         | %           | BIL.          | %           |
| JANTINA  | LELAKI        | 6,933        | 97.33%      | 8,525        | 98.98%      | 15,458        | 98.23%      |
|          | PEREMPUAN     | 190          | 2.67%       | 88           | 1.02%       | 278           | 1.77%       |
|          | <b>JUMLAH</b> | <b>7,123</b> | <b>100%</b> | <b>8,613</b> | <b>100%</b> | <b>15,736</b> | <b>100%</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK

Jadual 3 menerangkan bahawa bilangan penagih ramai dikesan dikalangan kaum lelaki berbanding kaum wanita pada tahun 2009. Seramai 15,458 orang (98.23%) penagih lelaki dengan 6,933 orang penagih baru dan 8,525 orang penagih berulang. Penagih lelaki ini bersamaan dengan 0.17%<sup>6</sup> daripada jumlah unjuran penduduk lelaki di negara ini yang berusia 15-64 tahun. Bagi penagih wanita, sebanyak 278 orang (1.77%) penagih dikesan melibatkan 190 orang penagih baru dan 88 orang penagih berulang.

<sup>6</sup> Laporan Dadah Bulan Disember 2009, m/s 6



## c) Bangsa

Jadual 4: Kes Penagihan Dadah Mengikut Bangsa Tahun 2009

| KATEGORI |                 | STATUS KES   |               |              |               |               |               |
|----------|-----------------|--------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
|          |                 | BARU         |               | ULANG        |               | JUMLAH        |               |
|          |                 | BIL.         | %             | BIL.         | %             | BIL.          | %             |
| BANGSA   | MELAYU          | 6,810        | 49.69%        | 6,895        | 50.31%        | 13,705        | 87.1%         |
|          | CINA            | 164          | 17.25%        | 787          | 82.75%        | 951           | 6.04%         |
|          | INDIA           | 114          | 12.10%        | 828          | 87.90%        | 942           | 5.99%         |
|          | PRIBUMI SABAH   | 12           | 21.43%        | 44           | 78.57%        | 56            | 0.36%         |
|          | PRIBUMI SARAWAK | 14           | 60.87%        | 9            | 39.13%        | 23            | 0.15%         |
|          | LAIN-LAIN       | 8            | 14.55%        | 47           | 85.45%        | 55            | 0.35%         |
|          | WARGA ASING     | 1            | 0.25%         | 3            | 0.75%         | 4             | 0.03%         |
|          | <b>JUMLAH</b>   | <b>7,123</b> | <b>45.27%</b> | <b>8,613</b> | <b>54.73%</b> | <b>15,736</b> | <b>100.0%</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK

Jadual 4 menunjukkan bahawa penagih berbangsa Melayu merupakan penagih yang paling ramai menagih dadah iaitu seramai 13,705 orang (87.09%) melibatkan 6,810 orang (49.69%) penagih baru dan 6,895 orang (50.31%) penagih berulang. Penagih Melayu yang dikesan pada tahun 2009 bersamaan dengan 0.16%<sup>7</sup> daripada unjuran penduduk bangsa Melayu di negara ini yang berusia 15-64 tahun. Secara purata, kes penagih berbangsa Melayu melebihi 60%<sup>8</sup> pada setiap tahun berbanding dengan bangsa lain. Manakala bagi bangsa Cina, sebanyak 951 kes (6.04%) telah dikesan serta India 942 kes (5.99%). Penagih di kalangan pribumi Sabah seramai 56 orang, pribumi Sarawak 23 orang dan lain-lain bangsa 55 orang.

<sup>7</sup> Laporan Dadah Bulan Disember 2009, m/s 5

<sup>8</sup> Buku Maklumat Dadah 2008, m/s 19





## d) Umur Ketika Dikesan

**Jadual 5: Kes Penagihan Dadah Mengikut Umur Ketika Dikesan  
Tahun 2009**

| KATEGORI                  |                | STATUS KES   |               |              |               |               |               |
|---------------------------|----------------|--------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
|                           |                | BARU         |               | ULANG        |               | JUMLAH        |               |
|                           |                | BIL.         | %             | BIL.         | %             | BIL.          | %             |
| UMUR<br>KETIKA<br>DIKESAN | < 13 TAHUN     | 0            | -             | 0            | -             | 0             | -             |
|                           | 13-15 TAHUN    | 43           | 91.49%        | 4            | 8.51%         | 47            | 0.30%         |
|                           | 16-17 TAHUN    | 81           | 80.20%        | 20           | 19.80%        | 101           | 0.65%         |
|                           | 18 TAHUN       | 154          | 83.70%        | 30           | 16.30%        | 184           | 1.19%         |
|                           | 19 TAHUN       | 263          | 77.81%        | 75           | 22.19%        | 338           | 2.19%         |
|                           | 20-24 TAHUN    | 1,921        | 71.63%        | 761          | 28.37%        | 2,682         | 17.35%        |
|                           | 25-29 TAHUN    | 1,792        | 51.58%        | 1,682        | 48.42%        | 3,474         | 22.47%        |
|                           | 30-34 TAHUN    | 1,159        | 36.00%        | 2,060        | 64.00%        | 3,219         | 20.82%        |
|                           | 35-39 TAHUN    | 709          | 31.71%        | 1,527        | 68.29%        | 2,236         | 14.46%        |
|                           | 40-44 TAHUN    | 442          | 31.94%        | 942          | 68.06%        | 1,384         | 8.95%         |
|                           | 45-49 TAHUN    | 262          | 29.50%        | 626          | 70.50%        | 888           | 5.74%         |
|                           | > 50 TAHUN     | 249          | 27.48%        | 657          | 72.52%        | 906           | 5.86%         |
|                           | TIADA MAKLUMAT | 48           | 0.00%         | 229          | 0.00%         | 277           | 0.00%         |
|                           | <b>JUMLAH</b>  | <b>7,123</b> | <b>45.27%</b> | <b>8,613</b> | <b>54.73%</b> | <b>15,736</b> | <b>100.0%</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK

| KATEGORI                  |                          | STATUS KES |        |       |        |        |        |
|---------------------------|--------------------------|------------|--------|-------|--------|--------|--------|
|                           |                          | BARU       |        | ULANG |        | JUMLAH |        |
|                           |                          | BIL.       | %      | BIL.  | %      | BIL.   | %      |
| UMUR<br>KETIKA<br>DIKESAN | REMAJA: 13-18 TAHUN      | 278        | 83.73% | 54    | 16.27% | 332    | 2.15%  |
|                           | BELIA: 19-39 TAHUN       | 5,844      | 48.91% | 6,105 | 51.09% | 11,949 | 77.29% |
|                           | DEWASA: 40 TAHUN KE ATAS | 953        | 30.00% | 2,225 | 70.00% | 3,178  | 20.56% |



Jadual 5 menerangkan bahawa majoriti penagihan dadah dikesan sepanjang tahun 2009 adalah dikalangan belia yang berumur di antara 19 hingga 39 tahun. Sebanyak 11,949 kes (77.29%) telah dikesan dikalangan belia dengan 5,844 orang penagih baru dan 6,105 orang penagih berulang. Bagi kes penagihan dadah yang berumur antara 13 hingga 29 tahun, seramai 4,254 orang adalah penagih baru iaitu 60.13% daripada penagih baru keseluruhannya. Manakala bagi penagih berulang yang berumur antara 30 hingga lebih 50 tahun, seramai 5,812 orang iaitu 69.32% daripada penagih berulang keseluruhannya.

### e) Pekerjaan

**Jadual 6: Kes Penagihan Dadah Mengikut Pekerjaan  
Tahun 2009**

| KATEGORI  |                     | STATUS KES   |               |              |               |               |               |
|-----------|---------------------|--------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
|           |                     | BARU         |               | ULANG        |               | JUMLAH        |               |
|           |                     | BIL.         | %             | BIL.         | %             | BIL.          | %             |
| PEKERJAAN | BURUH AM            | 2,770        | 38.05%        | 4,510        | 61.95%        | 7,280         | 46.28%        |
|           | PERKHIDMATAN        | 2,512        | 54.58%        | 2,090        | 45.42%        | 4,602         | 29.26%        |
|           | JUALAN              | 172          | 51.04%        | 165          | 48.96%        | 337           | 2.14%         |
|           | TEKNIKAL            | 297          | 38.77%        | 469          | 61.23%        | 766           | 4.87%         |
|           | PERTANIAN/PERIKANAN | 374          | 49.34%        | 384          | 50.66%        | 758           | 4.82%         |
|           | PERKERANIAN         | 25           | 58.14%        | 18           | 41.86%        | 43            | 0.27%         |
|           | PENGURUSAN          | 73           | 60.83%        | 47           | 39.17%        | 120           | 0.76%         |
|           | PENGANGKUTAN        | 77           | 51.33%        | 73           | 48.67%        | 150           | 0.95%         |
|           | PERKILANGAN         | 50           | 65.79%        | 26           | 34.21%        | 76            | 0.48%         |
|           | HIBURAN             | 11           | 68.75%        | 5            | 31.25%        | 16            | 0.10%         |
|           | BINAAN              | 437          | 44.82%        | 538          | 55.18%        | 975           | 6.20%         |
|           | PENUNTUT            | 63           | 75.00%        | 21           | 25.00%        | 84            | 0.53%         |
|           | PENGANGGUR          | 256          | 48.95%        | 267          | 51.05%        | 523           | 3.32%         |
|           | TIADA MAKLUMAT      | 6            | 0.0%          | 0            | 0.0%          | 6             | 0.0%          |
|           | <b>JUMLAH</b>       | <b>7,123</b> | <b>45.27%</b> | <b>8,613</b> | <b>54.73%</b> | <b>15,736</b> | <b>100.0%</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK



Jadual 6 menerangkan bahawa seramai 15,123 orang penagih yang dikesan mempunyai pekerjaan (96.14%). Manakala 607 orang (3.86%) adalah dari kalangan penagih tidak bekerja (penuntut dan penganggur). Seramai 7,280 orang penagih iaitu (46.28%) adalah bekerja di sektor buruh am dan 4,602 orang (29.26%) di sektor perkhidmatan. Bagi penagih yang menganggur mencatatkan bilangan iaitu 523 orang (3.32%) dengan 256 daripadanya adalah penagih baru dan 267 orang penagih berulang.

#### f) Kelulusan Akademik

**Jadual 7: Kes Penagihan Dadah Mengikut Kelulusan Akademik Tahun 2009**

| KATEGORI               |                  | STATUS KES   |               |              |               |               |               |
|------------------------|------------------|--------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
|                        |                  | BARU         |               | ULANG        |               | JUMLAH        |               |
|                        |                  | BIL.         | %             | BIL.         | %             | BIL.          | %             |
| KELULUSAN<br>TERTINGGI | TIDAK BERSEKOLAH | 1,769        | 98.28%        | 31           | 1.72%         | 1,800         | 12.34%        |
|                        | SEKOLAH RENDAH   | 1,154        | 35.78%        | 2,071        | 64.22%        | 3,225         | 22.11%        |
|                        | LCE/SRP/PMR      | 184          | 4.22%         | 4,173        | 95.78%        | 4,357         | 29.88%        |
|                        | MCE/SPM/SPMV     | 2,116        | 50.42%        | 2,081        | 49.58%        | 4,197         | 28.78%        |
|                        | HSC/STP/STPM     | 57           | 32.57%        | 118          | 67.43%        | 175           | 1.20%         |
|                        | DIPLOMA          | 18           | 30.00%        | 42           | 70.00%        | 60            | 0.41%         |
|                        | IJAZAH           | 7            | 36.84%        | 12           | 63.16%        | 19            | 0.13%         |
|                        | LAIN-LAIN        | 666          | 88.68%        | 85           | 11.32%        | 751           | 5.15%         |
|                        | TIADA MAKLUMAT   | 1,152        | 0.0%          | 0            | 0.0%          | 1,152         | 0.0%          |
|                        | <b>JUMLAH</b>    | <b>7,123</b> | <b>45.27%</b> | <b>8,613</b> | <b>54.73%</b> | <b>15,736</b> | <b>100.0%</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK

Jadual 7 menerangkan kelulusan akademik tertinggi penagih dadah sepanjang tahun 2009. Kes penagihan dadah ramai dikesan dikalangan penagih yang mempunyai kelulusan minimum tingkatan tiga iaitu seramai 9,559 orang (65.54%) iaitu 3,048 orang (31.89%) penagih baru dan 6,511 orang (68.11%) penagih berulang. Bilangan penagih yang mempunyai sijil LCE/SRP/PMR adalah sebanyak 4,357 orang (29.88%), diikuti



MCE/SPM/ /SPMV seramai 4,197 orang (28.78%) serta 3,225 orang bagi sekolah rendah.

### g) Jenis Dadah

**Jadual 8: Kes Penagihan Dadah Jenis Dadah Tahun 2009**

| KATEGORI    |                        | STATUS KES   |               |              |               |               |               |
|-------------|------------------------|--------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
|             |                        | BARU         |               | ULANG        |               | JUMLAH        |               |
|             |                        | BIL.         | %             | BIL.         | %             | BIL.          | %             |
| JENIS DADAH | HEROIN                 | 1,636        | 32.42%        | 3,411        | 67.58%        | 5,047         | 32.07%        |
|             | MORFIN                 | 1,051        | 31.04%        | 2,335        | 68.96%        | 3,386         | 21.52%        |
|             | CANDU                  | 1            | 20.00%        | 4            | 80.00%        | 5             | 0.03%         |
|             | GANJA                  | 3,110        | 59.73%        | 2,097        | 40.27%        | 5,207         | 33.09%        |
|             | PIL PSIKOTROPIK        | 18           | 46.15%        | 21           | 53.85%        | 39            | 0.25%         |
|             | PIL ECSTASY/MDMA       | 76           | 91.57%        | 7            | 8.43%         | 83            | 0.53%         |
|             | METAMPHETAMINE (SYABU) | 558          | 49.34%        | 573          | 50.66%        | 1,131         | 7.19%         |
|             | AMPHETAMINE            | 64           | 76.19%        | 20           | 23.81%        | 84            | 0.53%         |
|             | GAM                    | 0            | 0.0%          | 0            | 0.0%          | 0             | 0.0%          |
|             | UBAT BATUK/KODEIN      | 20           | 40.00%        | 30           | 60.00%        | 50            | 0.32%         |
|             | LAIN-LAIN              | 589          | 83.66%        | 115          | 16.34%        | 704           | 4.47%         |
|             | <b>JUMLAH</b>          | <b>7,123</b> | <b>45.27%</b> | <b>8,613</b> | <b>54.73%</b> | <b>15,736</b> | <b>100.0%</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK

Jadual 8 menerangkan bahawa penagih dadah gemar mengambil dadah jenis ganja sebanyak 5,207 orang (33.09%) dengan 3,110 orang (59.73%) daripadanya penagih baru dan 2,097 orang (40.27%) penagih berulang. Selain itu, penagih ini juga terlibat dengan dadah jenis heroin sebanyak 5,047 orang (32.07%). Bagi penagih dadah jenis sintetik Amphetamine Type Stimulants (ATS) yang terdiri daripada dadah jenis pil ecstasy, metamphetamine (syabu) dan amphetamine sebanyak 1,298 orang (8.25%) melibatkan 698 orang (53.78%) penagih baru dan 600 orang (46.22%) penagih berulang.



## h) Cara Guna Dadah

**Jadual 9: Kes Penagihan Dadah Mengikut Cara Guna Dadah Tahun 2009**

| KATEGORI        |               | STATUS KES   |               |              |               |               |               |
|-----------------|---------------|--------------|---------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
|                 |               | BARU         |               | ULANG        |               | JUMLAH        |               |
|                 |               | BIL.         | %             | BIL.         | %             | BIL.          | %             |
| CARA GUNA DADAH | CHASE         | 3,350        | 36.66%        | 5,788        | 63.34%        | 9,138         | 58.07%        |
|                 | HIDU          | 2,438        | 72.60%        | 920          | 27.40%        | 3,358         | 21.34%        |
|                 | HISAP         | 936          | 42.49%        | 1,267        | 57.51%        | 2,203         | 14.00%        |
|                 | MINUM         | 38           | 50.67%        | 37           | 49.33%        | 75            | 0.48%         |
|                 | SUNTIK        | 160          | 23.46%        | 522          | 76.54%        | 682           | 4.33%         |
|                 | TELAN         | 171          | 74.67%        | 58           | 25.33%        | 229           | 1.46%         |
|                 | LAIN-LAIN     | 30           | 58.82%        | 21           | 41.18%        | 51            | 0.32%         |
|                 | <b>JUMLAH</b> | <b>7,123</b> | <b>45.27%</b> | <b>8,613</b> | <b>54.73%</b> | <b>15,736</b> | <b>100.0%</b> |

\*Sumber: Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BioNADI), AADK

